

17 NOV 2000

LID 2000-Sosial

LID AKAN TINJAU TANGGUNGJAWAB SOSIAL SEKTOR KORPORAT

LANGKAWI, 17 Nov (Bernama) -- Sesi khas Kumpulan Isu Sosial (SIG) di Dialog Langkawi 2000 (LID 2000) di sini akan memberi tumpuan kepada tanggungjawab sektor korporat dalam menangani masalah-masalah sosial utama khususnya penyakit-penyakit berjangkit yang membawa maut.

Salah seorang daripada anggota eksekutif LID itu Profesor Dr Zulaiha Ismail hari ini berkata, sesi itu akan cuba membuktikan yang langkah membantu menangani masalah utama sosial tidak akan merugikan badan-badan korporat daripada segi perniagaan.

"Anda akan dengar daripada Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengatur sesi itu, bahawa badan-badan korporat tidak akan rugi daripada segi perniagaan jika mereka sedar akan tanggungjawab dan memberi respon dalam menangani masalah utama sosial," katanya kepada BERNAMA semasa ditemubual semasa persiapan LID 2000 yang akan bermula esok.

Beliau berkata, 15 kerajaan yang menyertai sesi itu akan mencari kaedah terbaik bagi mengandungkan kekuatan warga korporat dengan media dan kumpulan-kumpulan buruh melalui perkongsian pintar dalam usaha menguruskan masalah sosial itu.

"Kami berharap dapat menamatkan sesi SIG dengan beberapa pelan tindakan dalam menjadikan tanggungjawab sosial korporat satu realiti," kata beliau.

Dr Zulaiha menjelaskan yang sesi SIG kali ini di LID dibahagikan kepada dua bahagian.

"Pada Ahad akan diadakan majlis makan tengah hari bagi isteri ketua-ketua negara dan kerajaan dan disusuli oleh sesi perbincangan mengenai "tanggungjawab sosial sektor korporat dan perkongsian pintar" - Bahagian 1," kata beliau.

Dalam sesi ini, Dr Siti Hasmah juga akan meminta Isteri presiden Zimbabwe, Grace Mugabe untuk menyampaikan kemajuan yang telah dicapai sejak Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) di Maputo, Mozambique, Ogos lepas.

Dr Zulaiha berkata, sesi bahagian 1 SIG ini merupakan susulan kepada sesi SIG sebelum ini di SAID yang membincangkan mengenai kanak-kanak generasi hilang disebabkan ibu bapa mereka mati kerana AIDS.

Lebih kurang lima juta orang, khususnya di Afrika mati setiap tahun kerana tiga penyakit yang membawa maut, iaitu AIDS, Malaria dan TB.

Pada Isnin, sesi kedua SIG akan membincangkan dengan lebih mendalam lagi mengenai bagaimana sektor korporat boleh menjalin perkongsian pintar bersama media serta pemimpin buruh dalam menangani masalah sosial dan penyakit-penyakit berjangkit yang membawa maut.

Pada Selasa, presiden Majlis Aids Malaysia Marina Mahathir akan menyampaikan ceramah dan juga kata-kata penutup mengenai pengalaman sektor korporat Malaysia dalam menangani penyakit-penyakit berjangkit yang membawa maut, kata beliau lagi.

Dr Zulaiha, juga yakin yang SIG semasa LID kali ini boleh menarik pemnyertaan syarikat-syarikat korporat berpengaruh.

-- BERNAMA

RIZ PR